



JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
CAWANGAN KENINGAU
Tingkat 2, Rumah Persekutuan
Beg Berkunci No.5
89009 KENINGAU
SABAH

Tel : 087-331245/339960
Faks : 087-330449
Laman Web : <http://portalpp.anm.gov.my/keningau>

Rujukan : JANM.KNGAU.600-15/3/1 (8)
Tarikh : 2 Jun 2021

Semua
Pusat Tanggungjawab (PTJ)
Daerah Keningau, Tambunan, Tenom dan Nabawan

Tuan

PENGECUALIAN ARAHAN PERBENDAHARAAN (AP), PEKELILING PERBENDAHARAAN (PP) DAN SURAT PEKELILING AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA (SPANM) SEMASA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) 3.0

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.


2. Susulan daripada pengecualian AP, PP, SPANM dan arahan operasi di dalam soalan lazim (FAQ) berkaitan PKP dan juga berdasarkan arahan Kerajaan dari semasa ke semasa bagi situasi pandemik Covid-19, Jabatan ini melalui surat rujukan ANM/KGU/600-15/3/1 Jilid 4 (15) bertarikh 18 Jun 2020 telah memaklumkan bahawa semua AP, PP, SPANM dan arahan operasi hendaklah dipatuhi bermula 10 Jun 2020 kecuali bagi PTJ yang berada di zon merah atau Perintah Kawalan Pergerakan Diperketat (PKPD).
3. Namun dalam keadaan gelombang pandemik Covid-19 yang masih belum berakhir sehingga kini, terdapat PTJ yang diarahkan tutup ataupun tidak dapat menjalankan operasi dari semasa ke semasa.
4. Sehubungan dengan itu, dimaklumkan bahawa **pengecualian AP, PP, SPANM dan arahan operasi hanya terpakai sekiranya PTJ tidak dapat menjalankan operasi dengan arahan daripada Ketua Jabatan berikutan pandemik Covid-19**. Bagi senario ini, PTJ hendaklah memaklumkan kepada Pejabat Perakaunan tugas-tugas kewangan yang tidak dapat dijalankan untuk tujuan pemantauan. Pemakluman boleh dibuat melalui emel ke **pcaw_kgu@anm.gov.my**.

Perhatian dan kerjasama tuan/puan mengenai perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"Inovasi Digital Pemacu Prestasi Unggul"

Saya yang menjalankan amanah


(MIRNAWATI BINTI SYARIPUDDIN C.A (M), CPA (Aust.))
Pengarah
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Cawangan Keningau